

Bahagian B Soalan Struktur

Jawab semua soalan.

1 Terdapat beberapa pengertian sejarah dari aspek bahasa dan pandangan sejarawan. **MS Teks 4 - 5** **Praktis Berpandu**

(a) Apakah definisi sejarah menurut *Kamus Dewan*?

Sejarah didefinisikan sebagai asal usul (keturunan) atau _____ . Sejarah merupakan peristiwa yang benar-benar berlaku pada waktu yang lampau, kisah, riwayat dan _____. Sejarah ialah _____ atau pengetahuan tentang peristiwa-peristiwa yang telah lalu.

[3 markah]

(b) Berikan pengertian sejarah mengikut pandangan sejarawan, E. H. Carr. **Praktis Berpandu**

Sejarah ialah suatu proses _____ berterusan antara ahli sejarah dengan fakta-faktanya, suatu _____ yang tidak berkesudahan antara masa kini dengan _____. Karyanya yang terkenal ialah *What is History?*

[3 markah]

(c) Rumuskan takrifan sejarah. **Praktis Berpandu**

Takrifan sejarah dari aspek bahasa dan pandangan sejarawan merujuk tentang _____ dan _____ masa lalu yang diperoleh berdasarkan _____. Peristiwa masa lalu tersebut akan dikaji oleh _____. Sejarah dapat memberikan _____ kepada kita.

[4 markah]

2 Sumber sejarah terbahagi kepada dua, iaitu sumber primer dan sumber sekunder. **MS Teks 8**

(a) Apakah maksud sumber sekunder? **Praktis Berpandu**

Sumber sekunder ialah sumber daripada bahan yang telah _____ dan _____

[2 markah]

(b) Salah satu contoh sumber sekunder ialah ensiklopedia. Terangkan ciri-ciri ensiklopedia. **Praktis Berpandu**

- Bahan yang terkandung di dalamnya berdasarkan fakta dan sumber sejarah yang _____.
- Contohnya _____
- Mengandungi beberapa _____
- Seperti sejarah awal, sejarah moden awal, arkitektur, laut dan _____

[4 markah]

Pilihan Jawapan

- (a) • tambo
• salasilah
• kajian

- (b) • masa lampau
• interaksi
• dialog

- (c) • masyarakat
• sejarawan
• bukti
• peristiwa
• teladan

- (a) • diolah
• diterbitkan

- (b) • *The Encyclopedia of Malaysia*
• sahih
• tumbuh-tumbuhan
• tema

(c) Pada pendapat anda, apakah kepentingan sumber sekunder?

SKBAT **Praktis Berpandu**

- Membantu untuk mencari _____
- Membuat perbandingan _____ penyelidikan sejarah yang telah diterbitkan
- Memberikan _____ tentang ruang lingkup kajian yang akan dijalankan
- Ahli sejarah dapat mengetahui _____ dan skop kajian yang telah dijalankan oleh ahli sejarah lain
- * Ahli sejarah dapat menfokuskan skop lain yang belum lagi dijalankan kajian atau penyelidikan

[4 markah]

3 Aktiviti gali cari merupakan kaedah arkeologi yang dijalankan secara saintifik untuk mencari maklumat daripada bahan tinggalan sejarah. **MS Tek 13**

(a) Jelaskan langkah-langkah aktiviti tersebut dijalankan.

Praktis Berpandu

- Perancangan grid sebelum kerja ekskavasi dengan setiap petak diberikan _____
- Menandakan kawasan berdasarkan _____
- Ekskavasi dengan mencatatkan semua _____

[3 markah]

(b) Berikan penerangan ringkas tentang ekskavasi. **Praktis Berpandu**

- Proses mengumpulkan data dalam bidang arkeologi untuk memperoleh maklumat tentang _____ manusia.
- Aktiviti gali cari bermula dari _____ hingga tahap tanah asal.
- Antara _____ yang boleh ditemukan ialah fosil, tembikar, bahan logam dan binaan daripada batu

[3 markah]

(c) Nyatakan cara kita boleh menghargai warisan negara. **SKBAT**

Praktis Berpandu

- Mengadakan Hari Sejarah _____
- Tidak melakukan _____ pada warisan negara
- Memelihara dan _____ khazanah berharga negara
- Menganjurkan kempen _____ tentang kepentingan warisan negara

[4 markah]

Pilihan Jawapan

- (c) • bidang
• maklumat
• dapatan
• gambaran awal

- (a) • nombor rujukan
• pelan
• penemuan

- (b) • masa lampau
• permukaan tanah
• bahan tinggalan sejarah

- (c) • kesedaran
• kerosakan
• memulihara
• sedunia